

19 SEP 2003

Mahathir-Pimpinan

MAHATHIR YAKIN PIMPINAN BARU MAMPU TADBIR NEGARA KE ARAH KEMAJUAN

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin dengan kemampuan kepimpinan baru untuk mentadbir negara menuju ke arah kemajuan selepas beliau meletak jawatan akhir Oktober ini.

"Sudah cukup apa yang saya sudah buat, elok sekarang ada kepimpinan baru," kata beliau semasa berucap di majlis makan malam tahunan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) malam ini.

Beliau berkata kepimpinan baru mampu menerajui negara untuk mencapai Wawasan 2020 mengikut acuan yang sedia ada, dan menasihatkan pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan supaya memberi sokongan penuh dan bekerjasama dengan kabinet baru ke arah memajukan negara.

Menurutnya Malaysia mempunyai jentera pentadbiran yang baik, malahan boleh dianggap sebagai yang terbaik di kalangan negara membangun sehingga menjadi contoh ikutan kepada mereka.

"Kita tidak ada kekurangan berbanding orang lain, kita boleh lakukannya. Kita sudah buktikan kepada dunia bahawa kita boleh tadbir negara kita, dan pada masa yang sama membangunkannya. Negara lain tidak mempunyai kerajaan yang sempurna dan berdedikasi untuk memajukan negara," katanya.

Bagaimanapun menurutnya, semua pihak perlu berusaha tingkatkan keupayaan mentadbir negara.

Dr Mahathir berkata hasil usaha serta rasa puas hati dengan tugas yang dilaksanakan adalah penting sebagai pulangan kepada usaha gigih yang dilaksanakan demi kejayaan negara berbanding dengan pulangan dari segi wang ringgit.

Terdahulu, Menteri MITI, Datuk Seri Rafidah Aziz semasa berucap di majlis itu berkata walaupun majlis itu diadakan setiap tahun tetapi kali ini diadakan khusus untuk memberi penghargaan kepada Perdana Menteri yang telah banyak menyumbang terhadap pembangunan negara ini, dan bakal meletak jawatan.

MITI telah membuat persembahan video selama 20 minit yang memaparkan kehidupan Mahathir, bermula semasa beliau dibangku sekolah sehingga beliau dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia sebagai tanda penghargaan kepada sumbangan beliau.

Majlis makan malam MITI itu bertemakan "Bersama PM" dan mempunyai kod pakaian ala tahun 40 dan 50-an.

Dr Mahathir yang berbaju kemeja dengan beralas skaf dileher ala 50-an serta isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang berbaju kebaya kemudiannya telah bersama-sama menyanyikan dua buah lagu berjudul "Autumn Leaves" dan "Hati ke Hati".

-- BERNAMA

PK HM AZH